

PM mahu keadilan bagi semua rakyat Malaysia

BH 24 JUN 2001
DARI MUKA 1

Dr Mahathir berkata, beliau mahukan keadilan bagi orang Melayu dan semua rakyat Malaysia.

"Kita tidak boleh ada satu kaum bebas untuk melempar bermacam fitnah dan tuduhan untuk memburukkan kerajaan dan satu kaum lain mesti ditarik tali ras.. jangan bergerak," katanya sambil menambah, pendiriannya itu bukan pandangannya seorang tetapi pendirian Umno.

Presiden Umno berkata, orang atau kumpulan tertentu yang mengaitkan namanya dalam pembelian dua akhbar Cina itu mempunyai agenda tertentu.

"Kononnya saya yang suruh MCA beli Nanyang Siang Pau dan China Press. Kenapa?...supaya orang Cina yang kononnya marah sangat kepada

MCA kerana membeli akhbar ini akan marah kepada saya, marah kepada kerajaan.

"Bila marah kepada kerajaan, sokonglah DAP. Inilah tujuan mereka kerana nak dapat sokongan daripada orang Cina. Mereka sengaja mengaitkan saya dan kerajaan dengan pembelian Nanyang oleh MCA.

"Saya akui MCA tanya saya...apakah dia (MCA) boleh beli Nanyang Siang Pau dan China Press? Saya kata boleh, tak jadi masalah. Rupa-rupanya orang ini kata, masyarakat Cina tidak mahu akhbar Cina dimiliki oleh mana-mana parti politik," katanya.

Beliau berkata, memang ada akhbar Melayu dikuasai oleh parti politik iaitu Utusan Melayu yang dimiliki Umno melalui saham secara tidak langsung, seperti MCA, menerusi Huaren Holdings membeli dua akhbar Cina berkenaan.

"Jika Umno boleh beli akhbar Melayu, kenapa MCA tak boleh beli akhbar Cina. Bagi saya kalau MCA nak beli, belilah. Tak ada salah. Kalau MCA nak jual, juallah...itupun hak dia juga. Ini kononnya orang Cina tak benar MCA beli akhbar Cina.

"Nak beli (akhbar) Star, tak apa, tetapi akhbar Cina tak boleh. Kenapa tak boleh? Apa ada dalam akhbar Cina itu?. Kerana kita tak tahu bahasa Cina, dia tahu bahasa Melayu. Kita tak boleh kata banyak dalam Utusan, dia tahu. Apa dia tulis dalam Nanyang dan China Press, kita tak tahu.

"Apakah adil kalau kita kawal Utusan supaya jangan ketidulluan apabila berhadapan dengan masalah ketegangan antara Melayu-Cina ini tetapi mereka tidak mengawal akhbar mereka apabila membangkitkan perasaan kebencian kepada orang Melayu?" katanya.

Beliau, menasihatkan dua akhbar Cina itu melapor yang benar, bukan memutarbelitkan fakta.

Dr Mahathir memberikan contoh, ketika Jawatankuasa Rayuan Pilihanraya Persatuan Cina (Suqiu) menuntut hak keistimewaan orang Melayu dihapuskan, beliau dalam satu ucapan di televisyen menyatakan bahawa tuntutan mereka itu menyamai komunis.

"Dengan serta merta, mereka mendakwa bahawa saya menganggap semua orang Cina sebagai komunis. Mereka mengapi-apikan perasaan orang Cina supaya menentang kerajaan, membenci kerajaan dan akhbar Cina terutama Nanyang Siang Pau dan juga China Press main isu ini.

"(Tujuannya)...supaya orang Cina membencikan saya dan membenci kerajaan Barisan Nasional (BN) dengan harapan mereka akan kembali memberi sokongan kepada DAP," katanya.

Beliau berkata, dua akhbar itu turut memainkan isu perkauman sehingga calon BN tewas dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Lunas sebelum ini.

Dr Mahathir menjelaskan, beliau bukan mahu membela Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik tetapi kecewa dengan percubaan pihak tertentu mengheret namanya dalam kontroversi pembelian akhbar itu.

Malangnya, katanya, pemimpin DAP, Lim Kit Siang yang turut memainkan peranan membangkitkan isu perkauman itu, masih terus bekerjasama dengan Pas.

"Saya cakap terus terang...dengan orang Melayu pun saya marah, dengan orang Cina pun saya marah. Apabila saya tegur orang Melayu, saya tegur Umno, marah kepada Umno. Saya tegur banyak orang Melayu yang keterlaluan, orang Melayu tak kata Dr Mahathir anti-Melayu. Tetapi kenapakah akhbar Cina berkata bahawa oleh kerana saya buat ucapan hanya menegur Suqiu, satu kumpulan kecil, kenapakah itu ditakrifkan sebagai mengecam orang Cina keseluruhannya," katanya.

Amaran kepada akhbar Cina

BH 24 JUN 2001

KUALA LUMPUR: Umno memberi amaran kepada golongan tertentu dalam masyarakat Cina serta akhbar Cina, terutama Nanyang Siang Pau dan China Press, supaya berhenti mengapi-apikan isu perkauman.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, orang atau kumpulan tertentu yang mengaitkan namanya dalam pembelian dua akhbar itu mahu masyarakat Cina bukan saja membencinya, malah membenci kerajaan dokongan Umno.

"Saya nak minta kepada akhbar-akhbar ini, jangan main isu ini. Jangan cuba melibatkan saya dalam perkara ini. Akhbar Cina bebas seperti akhbar lain, tetapi kalau kamu main isu perkauman....." kata Presiden Umno tanpa meneruskan amaran itu, ketika menggulung perbahasan di Perhimpunan Agung Umno semalam.

Amaran itu disambut tepukan gemuruh di dewan perhimpunan termasuk suara perwakilan yang beberapa kali melaungkan perkataan ISA (Akta Keselamatan Dalam Negeri).

Kelmarin, Dr Mahathir menafikan laporan akhbar Cina bahawa beliau pernah mengarahkan MCA membeli dua akhbar berkenaan.

Sambil menegaskan beliau sama sekali bukan anti-Cina, malah mempunyai menantu keturunan Cina,

LIHAT MUKA 2